



SIARAN MEDIA

PERSIDANGAN KAUNSELING SEDUNIA 2025

SERDANG, 25 FEBRUARI - YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Persidangan Kaunseling Sedunia 2025 di Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Persidangan ini dianjurkan secara bersama antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Kaunselor Malaysia dengan Universiti Putra Malaysia dan Open University Malaysia. Persidangan ini turut mendapat kerjasama dari Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sunway University sebagai rakan strategik.

Persidangan kali pertama ini telah menghimpunkan profesional kaunseling, pendidik, penyelidik dan pelajar untuk membincangkan isu, perkembangan dan penyelidikan terkini dalam bidang kaunseling. Ia juga merupakan satu platform bagi para akademik, kaunselor dan ahli psikoterapi mendapatkan pendedahan tentang ilmu selain memperkukuhkan jaringan hubungan sedia ada dan membina rangkaian baru dengan pakar bidang dari dalam dan luar negara. Penganjuran persidangan ini selaras dengan hasrat Kementerian untuk memperluas jaringan profesionalisme kaunseling di peringkat global.

Persidangan ini bertemakan "*New Horizons in Counselling Practices: Navigating Social, Psychological and Technological Challenges*". Tema persidangan yang dipilih bagi penganjuran kali ini mencerminkan landskap kaunseling yang berkembang sebagai tindak balas kepada cabaran dan peluang dinamik yang ditimbulkan oleh masyarakat kontemporari. Kaunselor hari ini berdepan dengan cabaran sosial, psikologi dan teknologi selaras dengan faktor globalisasi dalam pelbagai konteks, kepercayaan dan nilai budaya. Tema ini juga menekankan keperluan seorang kaunselor untuk mempunyai pengetahuan tentang kaedah terapeutik tradisional dan dalam masa yang sama tangkas dan responsif terhadap perubahan sosial, psikologi dan teknologi yang berlaku.

Persidangan ini telah disertai seramai 401 peserta dengan kehadiran secara fizikal dan dalam talian. Terdapat enam (6) panel dan lima (5) peserta antarabangsa menyertai persidangan secara dalam talian. Negara yang hadir adalah delegasi dari Singapura, Indonesia, Brunei, Filipina, Arab Saudi, Amerika Syarikat, Maldives, United Kingdom, Hong Kong dan China.

Turut hadir dalam majlis perasmian persidangan ini adalah YBhg Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg Dato' Prof. Dr Ahmad Farhan Mohd Sadulla, Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia, YBhg. Professor Dr. Othman Dato Haji Mohamed, Presiden Lembaga Kaunselor Malaysia, YBhg. Professor Dr. Ahmad Izanee bin Awang, Vice President Open University Malaysia dan para pensyarah, pelajar dan pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi kerajaan yang lain.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
18 FEBRUARI 2025**